



# IHYA' RAMADHAN

Edisi 1, 1430H

## Dari Meja Editor..

### Inside this issue:

Dari Meja Editor	1
Special events of the month	1
Bagaimana Menyambut Ramadhan	2
Berbuka puasa mengikut sunnah	2
Komik: Terawih di mana?	3
Peristiwa Ramadhan al-Mubarak	3
Komik: Selamat Menyambut Ramadhan	4

### Special events of the month

- Talk: Buyutuna fi Ramadhan
- ISMA Weekly Iftar @ Rosebery
- Battle of Badr Return [tba]
- Terawih @ Zetland Mosque daily

More information please contact: 0430372992 or email to [isma.nsw@gmail.com](mailto:isma.nsw@gmail.com)

Salam ukhuwwah dan mahabbah fillah. Sekarang kita sedang berada di dalam bulan Ramadhan al-Mubarak. Tetamu agung bertandang setiap tahun, membawa pelbagai hikmah dan barakah, buat insane yang tidak pernah kenal jemu dan lelah untuk mencari spirit ruhiyah dan didikan rabbaniyyah.

Bagi yang baru datang ke Australia, selamat menempuh pengalaman baru menyambut puasa di luar Negara, berjauhan dari keluarga dan juga jauh dari bazaar Ramadhan. Bagi yang pernah merasai suasana Ramadhan di luar Negara, jadikan Ramadhan kali ini lebih baik dari yang sebelumnya.

Sekadar peringatan untuk diri dan sahabat sekalian, Ramadhan yang di sambut seharusnya

dekat di hati kita, padanya kita mengambil bekalan dan kekuatan untuk menggilap iman dan taqwa, membulatkan niat dan mentransformasikan diri dari segala kekangan nafsu kepada kemerdekaan fitrah.

Bulan yang berkat ini harus kita gunakan seoptimum mungkin untuk mendapatkan impak maksima di penghujung Ramadhan nanti sebagai bekal untuk bulan-bulan mendatang. Justeru, perlunya kita mempersiapkan diri sebaik mungkin dari segi fizikal, rohani dan emosi agar kita mampu untuk beribadah sepanjang Ramadhan.

*"Sesiapa yang mendirikan solat dan ibadah di malam Lailatul Qadar dengan penuh iman dan mengharapkan*

*ganjaran Allah, di ampunkan dosa-dosanya yang telah lalu. Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh iman dan mengharap ganjaran Allah, di ampunkan dosa-dosanya yang telah lalu."* (Bukhari)

Rebutlah peluang yang dating sebaik mungkin kerana ini mungkin Ramadhan terakhir buat kita.

Wallahu'alam.



هلالنا

## Bagaimana menyambut Ramadhan mengikut sunnah

1. Menahan amarah lebih-lebih lagi bila ada orang cuba memulakan pergaduhan dengan kita. Rasulullah SAW mengajar jika ada orang menyakiti kita katakan: *"Sesungguhnya aku sedang berpuasa.. sesungguhnya aku sedang berpuasa."* [ Bukhari]
2. Menjaga solat fardhu berje-

maah

3. Solat terawikh berjemaah bagi lelaki dan perempuan. Sabda Nabi SAW: *"... Sesungguhnya sesiapa yang bersolat (terawikh) bersama imam sehingga selesai, maka Allah Menulis baginya (ganjaran seum-*

*pama) bersolat sepanjang malam."* [Nasai'e]

4. Bersahur dan sunat melewatkannya sehingga masuk waktu Subuh. Baginda SAW bersabda: *"Bersahurlah kerana di dalam sahur itu ada keberkatan."* [Bukhari]



*bih-lebihan. Sesungguhnya Dia (Allah) tidak sukakan orang yang berlebihan."* [al-'Araf 7:31]

6. Berdoa ketika berbuka. Sabda Nabi SAW: *"Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa itu, doa yang tidak ditolak ketika dia berbuka."* [Ibn Majah] Terdapat sebuah doa' yang diajarkan oleh Rasulullah SAW ketika berbuka puasa dan sunat mengamalkannya:

ذَهَبَ الظَّمَأُ وَاتَّقَلَتِ العُرْوَةُ وَنَبَتِ الأَجْرُ إِن شَاءَ اللهُ

*"Telah hilanglah dahaga, telah basahlah peluh (hilang kekeringan) dan telah tetaplah pahala, insya-Allah."* [Abu Daud]

## Berbuka puasa mengikut sunnah

1. Menyegerakan berbuka apabila masuk waktu Maghrib. Sabda Baginda SAW: *"Manusia sentiasa di dalam kebaikan selagi mereka menyegerakan berbuka."* [Bukhari]
2. Berbuka puasa dengan rutab, tamar atau air. Rutab ialah buah kurma yang telah masak yang masih basah, manakala tamar ialah kurma yang kering. Dari Anas RA katanya: *"Rasulullah SAW berbuka sebelum bersolat dengan beberapa biji rutab, sekiranya tiada rutab maka dengan beberapa biji tamar dan sekiranya tiada tamar, maka Baginda SAW minum beberapa teguk air."* [Tirmizi]

3. Menyegerakan solat Maghrib selepas berbuka dengan rutab, tamar dan air sekiranya makanan belum dihidangkan.
4. Makan dahulu sekiranya makanan telah dihidangkan. Rasulullah SAW bersabda: *"Apabila telah dihidangkan makan malam, maka mulakanlah dengannya sebelum kamu menunaikan solat Maghrib dan janganlah kamu tergopoh gapah ketika makan malam kamu."* [Bukhari]
5. Makan dengan kadar yang tidak berlebihan. Firman Allah SWT: *"Makan dan minumlah kamu, dan janganlah berle-*

## Peristiwa Ramadhan al-Mubarak

### • Turunnya wahyu Al-Quran:

Peristiwa yang berlaku kepada Rasulullah SAW di dalam bulan Ramadhan ketika baginda sedang berkhalwat di Gua Hira', maka datangla Malaikat Jibril a.s kepada baginda sebagai petanda mulanya wahyu dan bermulalah tugas baginda sebagai Rasul. Peristiwa penurunan wahyu kepada Rasulullah SAW ini berlaku pada malam 17 Ramadhan tahun pertama ketika Rasulullah berusia 40 Tahun.

### Firman Allah:

"Beberapa hari yang ditentukan itu ialah bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan keterangan-keterangan yang membezakan (antara yang hak dan yang batil). [Al-Baqarah:185]

### • Peperangan Badar:

Pada 17 Ramadhan tahun kedua Hijrah, telah berlaku satu peristiwa yang amat penting untuk difahami dan dihayati oleh seluruh umat Islam. Peperangan yang menentukan samada Islam akan dianuti atau tidak adalah bergantung pada peperangan ini. Walaupun, berbekalkan dengan jumlah tentera 313 orang namun dengan keimanan, kepatuhan dan ketaatan yang diyakini sungguh-sungguh, akhirnya mereka dapat mengalahkan tentera musyirkin Mekah yang berjumlah seribu orang. Seheinggakan dalam peperangan Badar ini, Rasulullah SAW menadah tangan ke langit memohon doa dari Allah Taala jika tentera Islam ini dikalahkan nescaya tiada manusia akan mengani agama suci ini. Doa Rasulullah SAW telah dijawab oleh Allah SWT dengan menurunkan bala tenteranya dari langit seperti yang diceritakan di dalam Al Quran iaitu *Firman Allah* yang bermaksud: "(Ingatlah), ketika kamu memohon pertolongan kepada

Tuhanmu, lalu diperkenankan Nya bagimu. Sesungguhnya Aku akan mendatangkan bantuan kepadamu dengan seribu malai- kat yang datang berturut-turut." [Al-Anfal:9]

### • Pensyariatan zakat:

Pada tahun kedua Hijrah, zakat fitrah mula disyariatkan. pensyariatan zakat ini adalah tanda kemenangan orang-orang yang berpuasa menentang haa nafsu mereka dan mengekang kecintaan terhadap harta.

Itulah di antara peristiwa-peristiwa penting yang berlaku pada bulan Ramadhan. Sebenarnya bulan ramadhan yang mulia ini memberi peluang dan ruang yang terbaik kepada kita untuk menghayati peristiwa-peristiwa tersebut seterusnya mempertingkatkan kualiti diri untuk melaksanakan ibadah ini sempurna yang mungkin.



tak sabar menunggu kedatangan Ramadhan...



# RAMADHAN

Bulan yang awalnya rahmah...  
Magfirah di pertengahan..dan  
kebebasan dari api neraka di  
pengakhirannya.. Para sahabat dulu  
sering tertanti-nanti akan kehadiran  
Ramadhan..  
"Allahumma ballighna Ramadhan.."  
Ya Allah, sampaikanlah kami kepada  
Ramadhan



Dibukakan pintu-pintu syurga...  
Ditutup pula pintu-pintu neraka...  
Bagi diriku yang baru,  
ruh Ramadhan  
kali ni makin terasa...

ummi..  
malam ni kita  
tarawih  
sama-sama ye?

boleh  
insya-  
Allah..



Tapi sayang.. ramai yang tidak menyedari akan hakikat ruh ramadhan. Bukanlah puasa itu hanya menahan perut dari lapar dan dahaga...

SELAMAT  
hari raya  
aidilfitri

..akan tetapi puasa itu sendiri merupakan Tarbiyah Ruhiah yang sangat penting bagi seseorang individu muslim. Bilamana dia dapat mengawal diri dari menurut jejak langkah 'haiwan peliharaan' syaitan...

...iaitu NAFSU



Allahu ArRahmaan ArRahim..  
Setiap amalan wajib yang dilakukan di bulan Ramadhan akan dibalas dengan 70 kali ganda. Bayangkan betapa rakusnya seorang pekerja sekiranya gajinya dinaikkan sehingga 70 kali ganda...



2000 x 70  
= \$140,000/month

apatah lagi diri kita...seorang hamba yang sangat hina disisi-Nya. Ganjaran yang Allah dah janjikan di syurga jauh lebih hebat dari gaji yang ditawarkan oleh mana-mana majikan pun di atas muka bumi ni.

...tapi kenapa kita tak menyedarinya?..  
...kenapa ibadah yang dilakukan masih ada kasal dan sikap sambil lewa?..  
Aku harap...pada Ramadhan kali ini aku dapat menyerahkan seluruh jiwa dan ragaku kepadaNya.  
Ya Allah Ya Tuhanku.. sampaikanlah padaku malam Al-Qadamu...



Dia Kau memah saki  
Tahu tauisku keda diri hati  
Kesempatan yang hanya sebentar  
Moga kebillahan berterlaka  
Berikanlah ku hikmah di  
Agar dikuatkan iman yang lemah  
Moga diberkati hidup ini  
Mauju bekalnya yang kekal abadi

Selamat Menyambut  
Ramadhan Al-Mubarak